



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PEMBINAAN LANDSKAP
KOD MATA PELAJARAN : DFY 3313
KURSUS : 3 DFY
TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA DARIPADA LIMA (5)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT BERCETAK

- S1**
- (a) Berikan takrifan kepada 'Senibina Landskap' (5 markah)
 - (b) Terangkan kepentingan pembangunan landskap kepada alam sekitar. (10 markah)
 - (c) Terangkan bagaimana pembangunan landskap dapat meningkatkan nilai hartanah. (10 markah)
- S2**
- (a) Huraikan perbezaan di antara permukaan landskap lembut dan permukaan landskap kejur. (5 markah)
 - (b) Nyatakan **lima (5)** keburukan menggunakan permukaan landskap kejur. (5 markah)
 - (c) Sebuah dataran dengan permukaan bata '*interlocking*' ingin dibina bersebelahan dengan satu saluran berbentuk '*swale*'. Kerb konkrit digunakan untuk memisahkan antara kedua-duanya. Gunakan lakaran perincian pembinaan untuk menunjukkan keratan pembinaan permukaan landskap dan saluran tersebut. (15 markah)
- S3**
- (a) Nyatakan perbezaan di antara proses inventori tapak dengan analisis tapak. (5 markah)
 - (b) Bincangkan tentang **lima (5)** perkara utama yang perlu diberi pertimbangan ketika menjalankan proses 'Analisis tapak'. (10 markah)
 - (c) Bagaimanakah kaedah Matriks digunakan dalam proses 'analisis tapak'. Gunakan contoh-contoh yang sesuai untuk membantu huraian anda. (10 markah)


- S4** (a) Salah satu daripada proses pembangunan landskap adalah perancangan aras tanah. Nyatakan kepentingan merancang aras tanah untuk sesuatu pembangunan landskap. (5 markah)
- (b) **Rajah S4** menunjukkan pelan kontor sebuah kawasan berbukit. Tandakan dan lorekkan julat kawasan tadahan hujan bagi tasik Y yang ditandakan. (5 markah)
- (c) Berdasarkan **Rajah S4**, sebuah tapak taman permainan dicadangkan untuk dibina di kawasan yang ditandakan. Tapak ini terdiri dari tiga aras iaitu bahagian A pada aras 21.52, bahagian B pada aras 22.39 dan bahagian C pada aras 24.60. Tunjukkan garisan anjakan kontour yang perlu dilakukan pada kawasan tersebut untuk menempatkan taman permainan ini serta tandakan kawasan pemotongan tanah dan tambakan tanah. (15 markah)
- S5** (a) Lakarkan perincian sebuah wakaf yang menunjukkan penggunaan komponen-komponen berikut:
- (i) Rasuk lantai
 - (ii) Gelegar lantai
 - (iii) Tiang kayu
 - (iv) Rasuk bumbung
 - (v) Kasau
 - (vi) Gulung-gulung
 - (vii) Kayu perabung
 - (viii) Papan pemanis
 - (ix) Kepingan bumbung kayu belian.
- (18 markah)
- (b) Lakarkan keratan rentas pembinaan sebuah kolam yang menggunakan kepingan liner. (7 markah)

Lampiran I

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER/SESI : 2 / 2008/2009
MATA PELAJARAN : PEMBINAAN LANDSKAP

KURSUS : 3 DFY
KOD MATA PELAJARAN : DFY 3313



Rajah S2